

Mei 24, 2021

Lori tular bawa balak saiz luar biasa ada dokumen pemindahan



Gambar lori membawa balak bersaiz luar biasa yang tular dalam media sosial semalam. - Foto FB

KUANTAN: Jabatan Perhutanan Pahang (JPNP) mengesahkan proses pemindahan 'kayu balak bersaiz luar biasa' yang tular dalam media sosial kelmarin, mempunyai dokumen sah bagi tujuan itu.

JPNP dalam kenyataan medianya di sini hari ini, memaklumkan lori yang tular membawa balak itu ditahan pihaknya di Hentian Rehat dan Rawat (R&R) Gombak arah barat bagi tujuan pemeriksaan.

"Hasilnya kita mendapati lori itu mempunyai pas pemindahan dikeluarkan Jabatan Perhutanan Terengganu dan difahamkan dalam perjalanan ke kilang di Selangor," kata kenyataan itu.

Sehubungan itu, JPNP berharap sebarang aduan berkaitan jabatan mereka dapat disalurkan terus mengikut saluran yang betul bagi membolehkan tindakan segera dibuat, selain mengelakkan salah faham masyarakat.

Semalam, seorang pengguna laman sosial Facebook memuat naik gambar lori membawa muatan 'balak bersaiz luar biasa' yang didakwa dirakamkan di R&R Temerloh arah barat, Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT1) pada jam 5.50 petang hari sama.

Pengguna itu antara lain mempersoalkan mengapa lori itu tidak menunjukkan nombor pendaftaran lesen pembalakan seperti kebiasaan, selain bagaimana balak itu boleh lepas tanpa pemeriksaan atau bayaran cukai kerana mendakwa Balai Pemeriksaan Hutan ditutup pada hari minggu.

Untuk rekod, hari Ahad adalah hari bekerja di Terengganu dan LPT1 adalah laluan biasa untuk mereka dari negeri itu yang hendak ke Pantai Barat. – BERNAMA